

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 23 OKTOBER 2017

RUJUKAN : 10252

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keselamatan negara dan keadaan militan termasuk bilangan yang telah ditahan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap keselamatan negara berada dalam keadaan baik dan terkawal dari ancaman pengganas dari dalam mahupun luar negara. Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya dalam menentukan negara ini terus bebas daripada masalah keganasan. Namun, kestabilan dan keamanan yang dinikmati rakyat di negara ini sewajarnya tidak menjadikan kita semakin leka atau mengambil mudah.

Bagi membuktikan komitmen Kerajaan, sehingga 6 Oktober 2017 seramai 346 orang yang mempunyai elemen pengganas Daesh di negara ini telah ditangkap sejak operasi dilancarkan pada tahun 2013.

Pada masa sama, pihak polis juga telah berjaya menggagalkan 18 percubaan mereka untuk melancarkan serangan sejak Februari 2013 lagi. Ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan untuk membendung elemen kumpulan pengganas Daesh daripada terus berkembang dan mengancam keselamatan.